

30 JUL 2002
ABDULLAH-BSKL/I
ABDULLAH LAWAT PEJABAT BSKL

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membuat lawatan rasmi pertama ke pejabat baru Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di Bukit Kewangan, di sini hari ini.

Beliau yang tiba pada 3.00 p.m., disambut oleh pengerusi eksekutif BSKL, Datuk Mohd Azlan Hashim, dan anggota jawatankuasa BSKL sebelum menandatangani buku pendaftaran pelawat di lobi bangunan pejabat BSKL itu.

Beliau kemudian diberi taklimat tentang operasi keseluruhan BSKL oleh timbalan presiden BSKL bagi strategi dan pembangunan, Abdul Hamid Sh. Mohamed, bersama-sama 25 anggota pengurusan BSKL dan ketua-ketua pelbagai bahagian.

Pejabat baru BSKL itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 Ogos 1997.

Dalam taklimatnya, Mohd Azlan berkata kerajaan yang stabil dan fundamental perniagaan yang kukuh merupakan kunci kepada kestabilan dan kemajuan pasaran modal dan industri sekuriti.

Beliau berkata dengan dipacu oleh fundamental yang mantap dan kerajaan yang stabil, pasaran modal dan industri sekuriti terus memainkan peranannya sebagai mekanisma menggerak modal dan pelaburan yang cekap dan kos efektif.

Beliau berkata usaha yang seimbang dan berterusan oleh kerajaan dan para pengawal selia telah membantu menjelaskan salah faham tentang tahap tadbir urus korporat.

Mohd Azlan berkata pendekatan rundingan yang diambil oleh kerajaan telah memastikan syor-syor industri dan pasaran diambil kira dalam merangka matlamat dan strategi industri ini seperti Pelan Induk Pasaran Modal.

Beliau berkata antara pencapaian pelan induk adalah penggabungan semua bursa menjelang 2002.

"Dengan ini, akan ada faedah besar kepada ekonomi, pasaran modal dan bursa ini. Kami akan terus mempromosi pasaran modal sebagai destinasi pelaburan kepada kedua-dua pelabur domestik dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata BSKL akan mengambil langkah yang perlu bagi memastikan pasaran terus menarik semua pelabur dan memberi khidmat yang lebih baik kepada pembangunan ekonomi negara. -- BERNAMA

DC KTC JR